

CITA
SEMPURNA
WARISAN
SEJARAH

INTISARI adalah *imprint* **Kawah Buku**, yang menumpukan kepada penerbitan ilmiah bagi Pengajian Melayu dan Pengajian Malaysia.

*Di alam gelap bintang teruna,
Ditarik mata hati tertawan;
Amalkan tetap cita sempurna,
Barulah kata diri pahlawan.*

*Mengganti pisang dengan kedondong,
Lain dikunyah lain dirasa;
Memanglah musang guru si jadong,
Rosak amanah cita binasa.*

*Laung suara tiada hentinya,
Hendakkan bangsa gagah dan maju;
Sungguhpun mesra semak ertinya,
Jangan biasa salah teraju.*

—Syed Hussein Alatas

CITA SEMPURNA WARISAN SEJARAH

Syed Hussein Alatas



Hak cipta manuskrip © Universiti Kebangsaan Malaysia
Hak cipta suntingan dan penerbitan © Kawah Buku

Edisi pertama diterbitkan pada tahun 2000 oleh Penerbit UKM dengan judul yang sama. Manuskrip ini merupakan teks ucapan dalam Siri Syarahan Umum Bangi anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. Penerbitan edisi ini turut memuatkan suntingan dan susunan baharu.

Edisi ini diterbitkan pada tahun 2025 oleh

INTISARI, sebuah imprint **Kawah Buku**

(Didaftarkan di bawah Soeloeh Merdeka Publishing)

Bandar Baru Bangi
43650 Selangor

🌐 press.kawahbuku.com

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-99518-5-8

Suntingan dan kemaskini oleh Iskandar Kamel
Bacaan semak oleh Azan Safar, Khairunisa dan Ruhan Shahrir
Reka bentuk kulit oleh Amin Landak

Diterbitkan di Malaysia
Dicetak oleh Vinlin Press

2 4 6 8 10 9 7 5 3 1

Isi Kandungan

Nota Penerbit

ix

Kata Pengantar

xi

Penghargaan

xvii

Abstrak

xix

Konsep Cita Sempurna

1

Relatif dan Mutlak

3

Cita Sempurna dalam Sejarah

17

Cita Sempurna dan Cita Bencana dalam Sejarah
Islam

31

Empat Jenis Pemimpin

43

Cita Sempurna dan Cita Sejarah

73

Rujukan

85

Indeks

91

Nota Penerbit

Menerbitkan semula salah sebuah karya Syed Hussein Alatas, merupakan suatu peri penghormatan buat kami, penerbit mandiri di Bangi. Pastilah kerja penerbitan semula ini tidak mudah. Justeru, kami rakamkan setinggi penghargaan buat jiwa-jiwa yang bersinggungan sepanjang menjayakan hasrat besar ini.

Kepada Syed Farid Alatas dan keluarga, yang terutama menyambut mesra cetusan penerbitan semula ini; kami mahu memulangkan rasa kasih dan besar hati—yang tidak pongah melayan serba kerenah kecil kami, saban mudik ke kediaman Alatas di Damansara, yang tidak penat menyeringai ketawa melayan jenaka (juga keluhan) kami sana dan sini lewat segelas kopi panas, bersela hembusan cerut tebal.

Juga kasih berbanyak kami hulurkan buat beberapa tampang budiman; Haji Zain Abdul Rahman yang tak lekang menasihati, rakan-rakan Penerbit UKM yang kejam mendorong, juga sang artis serba berbakat Amin Landak untuk sekian kalinya menuang budi membikin kulit.

Meski diterbit semula, *Cita Sempurna Warisan Sejarah* kekal sebagaimana yang tercetak pada tahun 2001. Struktur ayatnya, lenggok tulisannya—ia ada-

lah ucapan, sebuah syarahan umum, justeru wajar ia diladeni sebagaimana sebuah karya klasik. Sebagai kemaskini, kami cuma memperbaiki kesalahan ejaan dan tatabahasa, sana sini serba sedikit. Selebihnya, ia utuh dengan bentuk dan suara asalnya. Susunan bab yang jelas, dengan tambahan Indeks; moga ini membantu pembaca menelaah karya ini dengan lebih baik.

Prakata

Semakin ramai sarjana dan aktivis di dunia Islam kecewa kerana merasa institusi-institusi kerajaan dan keagamaan dikuasai bukan hanya oleh pemimpin kleptokrat yang bertangan panjang, tetapi juga oleh ahli politik dan agamawan yang sering mengeluarkan kenyataan bodoh dan tidak masuk akal.

Di Malaysia, telah menjelma suatu faham atau konsep baru yang wajar untuk menggambarkan kenyataan ini. Ini adalah faham *jadong*, singkatan kepada ‘jahat, bodoh dan sombong’ yang dicipta oleh Syed Hussein Alatas lebih daripada dua puluh lima tahun yang lalu. *Jadong* pertama kali diungkapkan oleh Alatas sewaktu pemamparannya di Syarahan Umum Bangi bertajuk “Cita Sempurna Warisan Sejarah” pada tahun 2000—yang diterbitkan dalam bentuk monograf dengan judul yang sama oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia sempena acara itu, dan yang diterbitkan semula di sini.

Satu contoh pandangan yang bersifat *jadong* adalah dakwaan dalam kalangan setengah agamawan bahawa wanita yang tidak menutup aurat lebih berisiko dirogol. Ini boleh dikatakan pandangan yang bersifat *jadong* kerana ia berasaskan kepada

ketiadaan ilmu oleh para ‘ulama’ yang mengandaikan bahawa mereka berilmu. Kesombongan mereka tidak memungkinkan mereka mengakui akan kebodohan mereka. Pada waktu yang sama, ungkapan mereka itu bersifat jahat kerana ia merendahkan kehormatan dan maruah kaum wanita.

Ulama seperti ini tidak sedar akan banyak kajian yang menunjukkan bahawa rogol tidak disebabkan nafsu seksual, tetapi merupakan soal kuasa. Setiap perempuan, sama ada menutup aurat atau tidak, sama ada muda atau tua, sama ada ‘cantik’ atau ‘hodoh’; berisiko menjadi mangsa perogol. Tujuan perogol itu adalah untuk meletakkan kekuasaannya terhadap mangsanya yang dia kira adalah lebih rendah daripada dia.

Ulama bererti orang yang berilmu. Jika ingin mengatakan sesuatu tentang perkara tertentu seperti rogol, harus ada kepakaran mengenainya. Jika tidak mempunyai kepakaran tentang perkara itu, ulama itu seharusnya mengakui akan kekurangannya, mengkaji perkara itu dan merujuk ahli sosiologi atau psikologi yang merupakan pakar dalam bidang itu. Jika tidak berbuat demikian, mereka memang kejadong-jadongan, iaitu, bersikap dan bertindak *jadong*.

Hal ini juga berlaku di negara lain. Satu contoh adalah pandangan seorang ‘ulama’ Mesir yang mencadangkan supaya pekerja lelaki boleh menjadi ‘anak susuan’ rakan sekerja wanita untuk menyelesaikan masalah bukan muhrim yang terpaksa bekerja bersebelahan.

Baru-baru ini, timbul pula seruan untuk meruntuhkan tugu. Pandangan itu juga berasaskan kepada kekurangan ilmu. Malahan, orang yang tidak berpendidikan tinggi mengetahui bahawa wujudnya tugu di kota-kota kita tidak akan melemahkan iman kita.

Satu lagi persoalan yang timbul dalam kalangan setengah-setengah ahli akademik kita adalah dakwaan bahawa seorang Yaman beragama Yahudi yang bernama Abdullah bin Saba', yang hidup sezaman Sayyidina Ali ibn Abu Talib, khalifah yang keempat, telah mencipta mazhab Syiah. Mereka yang mengungkapkan pandangan seumpama ini ingin mengatakan bahawa mazhab Syiah merupakan mazhab yang tidak sah dalam Islam.

Abdullah bin Saba' dikatakan adalah seorang Yahudi yang memeluk Islam semasa pemerintahan Sayyidina Ali dan dengan sengaja mewujudkan mazhab Syiah untuk memecahbelahkan umat Islam ketika itu. Walaupun ahli akademik dan ulama Sunni, Syiah dan Barat mempunyai pandangan berbeza mengenai Abdullah bin Saba', tetapi kebanyakan mereka berpendapat riwayat penciptaan mazhab Syiah itu merupakan suatu mitos. Ia tidak boleh diterima atas alasan ilmiah sebagai cerita yang betul dan jitu untuk memahami kemunculan mazhab dan akidah Syiah.

Selain itu, cerita Abdullah bin Saba' adalah tidak waras. Tidak mungkin bahawa keadaan semuanya sempurna dan harmoni sehinggalah seorang individu, iaitu, Abdullah bin Saba' muncul dan mencipta

suatu mazhab yang palsu, dan pada waktu yang sama, dapat membodohkan umat Islam dengan ciptaan itu. Dakwa mereka, ini semua dilakukan melalui konspirasi seorang individu itu.

Sebagai ulama dan ahli akademik kita tidak seharusnya menganggap apa sahaja sebagai fakta-fakta sejarah. Kita patut mengambil pendekatan kritikal, kalau tidak mahu menjadi sarjana dan cendekiawan yang bermutu rendah. Menerima fakta, huraian dan cerita tanpa pendekatan kritis mungkin merupakan sikap dan tindakan *jadong* jika penerimaan itu berasaskan kepada tujuan jahat untuk menyusahkan kehidupan golongan-golongan tertentu.

Semakin ramai orang sedang menggunakan istilah *jadong* untuk menggambarkan keadaan masyarakat dan ekonomi-politik di Malaysia masa kini. Namun, walaupun perkataan *jadong* telah dicipta oleh Syed Hussein Alatas lebih daripada dua dekad yang lalu, ia masih belum tersebar luas dalam masyarakat kita.

Kejadongan memang melata dan wujud dalam masyarakat kita, tetapi faham atau konsep yang menangkap kenyataan itu masih belum dimengerti secara luas. Pengantar ini merupakan usaha awal saya untuk menyumbang kepada pembentukan faham (*concept formation*) istilah dan fenomena *jadong*.

Takrif rasmi *jadong* adalah jahat sambil tidak cukup atau lekas mengerti, dan pada waktu yang sama, begitu sombong dan meninggikan diri sehingga tidak mengakui kebodohan.

Seorang yang berjadong, iaitu, yang berbuat jadong, tetapi yang tiada mempunyai kuasa dalam masyarakat mungkin tidak akan membawa kesan yang begitu buruk ke atas masyarakat itu. Apa yang menjadi bahaya bagi masyarakat kita adalah keadaan tatkala institusi-institusi politik, ekonomi dan agama dikuasai oleh penjadong.

Dalam keadaan ini ada kemungkinan besar bahawa rakyat akan diperjadongi oleh pemimpin-pemimpin seumpama itu. Memperjadongi masyarakat atau berbuat jadong terhadapnya adalah berbuat jahat dengan sikap dan tindakan yang bodoh, tanpa kebodohan itu disedari pemimpin-pemimpin itu oleh kerana kesombongan mereka.

Sebagai contoh, katakan ada seorang ahli politik yang menganggap satu golongan Islam tertentu sebagai sesat. Kalau pendapat itu salah tetapi dimilikinya secara ikhlas tanpa tujuan jahat, ia boleh disebut bodoh tetapi tidak boleh disebut penjadong.

Namun, jika sekiranya dia mengungkapkan pandangan itu dengan tujuan untuk menghapuskan sesuatu golongan tersebut, dan ia begitu sombong sehingga tidak mempertimbangkan kemungkinan kesalahan pandangannya; tindakannya akan merugikan atau menyusahkan golongan sasarannya. Golongan itu dapat dikatakan diperjadongkan atau, dalam kata lain, menjadi mangsa kejadongan.

Masyarakat yang dikuasai oleh penjadong pada akhirnya dijadongkan, iaitu, dijadikan jadong. Contohnya, sistem pendidikan keagamaan yang menyebarkan ajaran yang batil dan tidak benar

akan lambat-laun menjadongkan rakyat, iaitu, memelihara kejadian dalam masyarakat itu. Ini bermakna bahawa kita perlu mengambil perhatian tentang penjadongan atau proses, cara dan perbuatan menjadongkan seseorang atau sesebuah masyarakat.

Sesuatu yang paling rumit untuk rakyat yang ingin jadi bebas daripada kejadian adalah kenyataan bahawa sejadong-jadong ahli politik dan agamawan, mereka masih dipuji dan disokong oleh golongan-golongan tertentu. *Cita Sempurna Warisan Sejarah* mengusulkan dan mengutarakan konsep ini, iaitu, kejadian, dan boleh dianggap sebagai sumbangan terhadap teori politik yang diterapkan pada bidang empirik sejarah.

Syed Farid Alatas

Penghargaan

Ingin saya rakamkan di sini penghargaan terhadap usaha dan kebijaksanaan Naib Canselor UKM Prof. Datuk Dr. Anuwar Ali dalam melaksanakan Syarahan Umum Bangi. Pimpinan beliau akan meningkatkan lagi penghayatan ilmiah di kampus kita ini.

Timbalan Naib Canselor Professor Datuk Dr. Zakri Abdul Hamid telah secara berkesan dan sungguh-sungguh menjayakan persiapan syarahan ini dengan semangat yang sangat mendorong ke arah pertumbuhan ilmiah. Di bawah asuhan beliau Syarahan Umum Bangi akan bertambah subur.

Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Professor Dr. Shamsul Amri Baharuddin, yang juga telah bersungguh-sungguh dan berkesan dalam menjayakan Syarahan Bangi ini di bawah tanggungjawabnya mengingatkan saya pada seorang penggemar taman bunga halaman rumah. Sambil lewat lekas-lekas pun sempat menabur baja, baja tentu jadi. Syarahan saya ini adalah hasil dari taburan baja tadi. Beliau akan menabur baja pada pokok-pokok di sekelilingnya, tua atau muda.

Kepada Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, terutama Pengarahnya Encik Hasrom Haron saya ingin rakamkan kegembiraan saya

bekerjasama dalam usaha menerbitkan syarahan ini. Perhatian beliau luas dan mendalam sehingga menggalakkan usaha mempersiapkan naskah. Encik Roosfa Hashim dan Cik Faizah Ahmad telah juga banyak menyumbang dalam proses penerbitan ini.

Terakhir dan tidak kurang penting, penghargaan saya terhadap kakitangan Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan ATMA. Tanpa bantuan keduanya naskah ini tidak akan dapat dihidangkan. Kerjasama dan perhatian mereka sangat dihargai dan mudah-mudahan perpustakaan kita akan bertambah besar dan kaya.

Demikian juga terima kasih banyak pada semua kakitangan ATMA, Encik Mohd. Marzuki Abdul Rashid, Cik Nor Hamah Abdul Khalil dan Encik Athisivan Mariappan, pembantu penyelidik yang amat cergas dan murah hati.

Abstrak

Cita sempurna itu adalah satu pandangan hidup yang menyeluruh bertujuan untuk mencapai masyarakat sempurna. Cita ini juga menggerakkan usaha yang hebat bagi menjayakannya. Dalam sejarah manusia, apa yang dianggap sebagai cita sempurna telah menjelma dalam pelbagai rupa. Lahir dan bangkitnya tamadun Islam pada kurun ke-6 dan ke-7 di Timur Tengah dapat dianggap contoh yang jelas sekali. Namun cita sempurna bukanlah sesuatu ideologi yang lengkap seperti dasar kenegaraan kapitalisme liberal, Komunis, Islam atau Katolik.

Memang benar bahawa cita sempurna itu relatif pada waktu dan tempat. Tetapi landasan nilai dan gerakan emosi yang merupakan arus di bawah sungai itu adalah sejagat dan tidak relatif. Apa pun sistem masyarakat, keadaan apa pun yang berlaku, pada waktu mana pun dalam sejarah, unsur cita sempurna yang mutlak harus dipisahkan daripada yang relatif. Yang dimaksudkan dengan mutlak (*absolute*) ialah meluasnya sesuatu nilai (*value*) di merata dunia (*universal*) dan semua waktu dalam sejarah. Mereka yang percaya pada falsafah relativisme tidak percaya adanya nilai yang *absolute* dan *universal*. Mereka sebetulnya salah faham den-

gan pengertiannya tentang nilai. Yang relatif adalah manifestasinya dalam budaya dan masyarakat setempat; bukan intisari daripada nilai itu. Dari segi konsep intisari cita sempurna, kekejaman itu kekejaman. Yang menjadi soal apakah kekejaman itu berkuasa atau tidak, bukan kekejaman itu adalah satu kebaikan. Pentingnya disadari perbezaan antara yang mutlak dan relatif kerana yang relatif itu selamanya perlu didasarkan atas yang mutlak. Jika dilupakan dasar yang mutlak maka kehendak zaman yang merupakan penjelmaan cita sempurna akan diabaikan dalam lingkungan keadaan sejagat yang bersifat relatif tadi.

Cita sempurna itu dihalangi oleh apa yang boleh disebut sebagai cita bencana. Cita bencana adalah semua yang bertentangan dengan cita sempurna. Cita bencana mempunyai tiga bahagian, yang pertama berkaitan dengan jenayah; yang kedua berkaitan dengan amalan perseorangan seperti salah guna dadah, gila judi atau ketagihan alkohol; dan yang ketiga berkaitan dengan nilai institusi, dan kepercayaan masyarakat, yang akan diruntuhkan oleh cita bencana ini. Sifat cita sempurna para pemimpin berkait rapat dengan cita sejarah.

Definisi cita ini adalah konsep sempurna yang dipancarkan ke atas sejarah. Sebahagian meliputi suatu zaman, sebahagian didukung oleh suatu negara atau bangsa, dan sebahagiannya lagi menggerakkan diri perseorangan. Masalah cita sejarah ini saya kaitkan dengan persoalan pembasmian rasuah dan penindasan. Pemimpin perlu dipengaruhi oleh

cita sejarah yang mengandung unsur moral yang tinggi. Jika cita sejarahnya tidak mengandung unsur moral yang tinggi dan penuh dengan kemanusiaan, maka kesannya akan buruk dan berbahaya bagi masyarakat.

Konsep Cita Sempurna

Jika kita tinjau sejarah manusia sejauhnyanya pandangan ke belakang sekitar peristiwa yang telah timbul, maka kita akan dapati bahawa perjuangan untuk menegakkan cita sempurna merupakan satu percubaan yang amat penting sepanjang masa. Apakah cita sempurna itu?

Cita sempurna itu adalah satu pandangan hidup yang menyeluruh bertujuan untuk mencapai masyarakat sempurna. Cita ini juga menggerakkan usaha yang hebat bagi menjayakannya. Ada yang berpengaruh secara perlahan dalam masa yang panjang, ada yang bangkit dengan serentak dalam masa sejarah yang singkat. Lahir dan bangkitnya tamadun Islam pada kurun ke-6 dan ke-7 di Timur Tengah dapat dianggap contoh yang jelas sekali.

Kefahaman tentang cita sempurna ini telah dilukiskan dengan terangnya oleh Ralph Waldo Emerson (1803–1882), seorang ahli falsafah dan sasterawan Amerika yang terkenal sebagai con-

toh dalam dunia bagaimana semangat mencapai kejayaan dan kekuasaan menjadi penggerak utama dalam sejarah.¹

1 Mark van Doren, ed., *The Portable Emerson* (New York: Viking Press, 1973), 85. Kata Emerson: “Every great and commanding moment in the annals of the world is the triumph of some enthusiasm. The victories of the Arabs after Mahomet, who, in a few years from a small and mean beginning, established a larger empire than that of Rome, is an example. They did they knew not what. The naked Derar, horsed on an idea, was found an overmatch for a troop of Roman cavalry. The women fought like men, and conquered the Roman men. They were miserably equipped, miserably fed. They were Temperance troops.”